

Musuh dalam selimut

DARI HALAMAN 19

Seolah-olah penduduk kampung Pasir Indah itu mahu mereka berpindah dari situ. Entah apa salah mereka, emaknya tidak begitu mengerti. Namun, Latifah tidak keseorangan menghadapi semua cabaran hidupnya. Hidupnya masih bersama anaknya, Dhika.

“Dhika, di sana kelak, jagalah dirimu baik-baik. Ingat pesanan mak, jangan menyumpah sesiapa di sana. Jagalah budi bahasamu,” pesan maknya pada pagi tadi.

“Ya. Pasal itu mak tak usah bimbang. Tahulah saya jaga diri,” jawab Dhika.

Sebenarnya, pertemuan semula rakan-rakan sekelas tingkatan lima tidak begitu menarik minat Dhika.

Dia agak keberatan untuk berjumpa dengan Aaron. Tetapi, perancangan telah dilaksanakan dua bulan lepas agak susah untuk dielakkan. Macam-macam yang difikirkan oleh Dhika di dalam bas yang menuju ke Pusat Peranginan Indah Maju.

Bas sudah sampai dengan selamat. Lebih empat jam duduk di dalam bas, akhirnya sampai juga di destinasi yang dituju.

“Dhika, mari sini,” panggil Lisberth dari jauh. Berdiri di sebelah papan tanda. Lebih kurang sepuluh orang yang telah sampai daripada empat puluh orang.

“Lisberth, indahnyanya tempat ini. Pertama kali aku menjajakkan kaki di sini. Lagipun, pusat perangan ini popular terutamanya bagi pelancong dalam negara.” kata Dhika bersungguh-sungguh.

Tidak lama kemudian, Fell pun datang bersama dengan Aaron. Mereka turun dari kereta Toyota CRV dengan membawa bekalan makanan. Tidak dapat diakui, ibu bapa Aaron daripada golongan berada. Mungkin itu salah satu sebab aku selalu dipandang rendah.

Aku terpaku. Menyaksikan keakraban dua orang itu. Bagai isi dan kuku. Baru lima bulan bercuti daripada peperiksaan SPM, terus menjadi rapat sehinggakan boleh bergelak tawa.

“Dhika, lama tidak jumpa kamu,” ucap Fell sambil memeluk aku. Aaron tersenyum sengih memandangku. Bagaimana malu berhadapan denganku.

“Hai, Fell. Kita berjumpa lagi. Dah lima bulan kita tak bersua muka,” kataku walaupun dalam hati ingin sumpah seranah dengan

keakraban mereka tadi. Aku terus memberikan duit RM50 kerana dia telah membayar untuk aku lebih awal untuk pertemuan semula ini. Hembusan bayu menenangkan kembali jiwa dan fikiran Dhika.

“Selamat datang kepada rakan-rakan yang dikasihi terutamanya dalam bekas kelas 5 Sains 2. Hari ini, hari yang sungguh bertuah kerana kita akan mengadakan REUNION setelah lima bulan habis peperiksaan SPM. Ada yang sudah bekerja part time mungkin tak dapat ikut, tetapi bersyukur kerana jumlah yang datang adalah sebanyak 30 orang daripada empat puluh. Kita akan melaksanakan pelbagai aktiviti nanti seperti sukaneka, BBQ, busking dan sebagainya,” terang bekas Ketua Kelas 5 Sains 2, Orlando.

Aktiviti pertemuan semula itu amat menarik dan semua terhibur. Dhika sempat menyampaikan sebuah lagu bertajuk Bicara Rasa bersama Fell dan Lisberth. Terubat rindu untuk menyanyi bersama rakan tercintanya itu. Seperti biasa, Aaron kelihatan menjauhkan diri daripada Dhika dan sentiasa berada di sisi Fell. Tapi, hati Dhika tenang meskipun hatinya panas baran dan sentiasa mengingati pesanan emaknya. Dhika tidak menghiraukan mereka berdua.

“Biarlah aku dipinggirkan, asalkan aku tidak dipandang rendah,” bisik hatinya sambil memandang ke arah laut. Kenangan terindah pertemuan semula rakan sekelas Tingkatan 5 Sains 2 ini biar disimpan dalam memori tahunan kelak. Aaron berjumpa dengannya pada saat terakhir dan menyerahkan sampul surat yang ditulis “Untukmu Dhika”. Dhika tidak membukanya sebaliknya menyimpan di dalam poket beg tangan hitamnya.

“Suatu hari nanti, aku akan membaca suratmu, Aaron. Aku akan membaca apabila aku memaafkanmu, bisik hatinya sesudah Aaron menyerahkan surat itu.

“Masuk,” sahut Dhika sebaik sahaja pintu bilik pejabatnya diketuk dari arah luar. Rakan karibnya, Fell melangkah masuk ke dalam ruangan bilik Studio. Namun, sejak akhir-akhir ini, rakan karibnya, Fell sering berjumpa dengannya di pejabatnya untuk meminjam duit. Alasannya banyak hutang perlu dibayar dan ibunya memerlukan duit un-

tuk rawatan di hospital. Setiap masalah diceritakan dan berakhir dengan tangisan. Hati Dhika sungguh simpati dan sanggup meminjamkan duitnya sendiri demi membantu rakannya yang berada dalam kesesakan itu.

Kini, cita-citanya untuk membuka sebuah studio untuk membuat rakaman lagu tercapai sesuai dengan bakatnya sendiri. Studio tersebut berkembang maju kerana ramai penyanyi baru yang semakin meningkat naik. Sesungguhnya, segala titik peluhnya keluar kerana jasa emaknya yang menginginkan kejayaan pada suatu hari nanti.

“Terima kasih, mak.

Tanpamu, aku tidak akan sampai ke tahap ini,” bisik hatinya sambil tersenyum sendiri.

Ibunya, Puan Latifah sudah banyak membantu anaknya dalam pengurusan Studio ini. Sanggup menjadi penasihat kewangan dan pentadbiran dalam perusahaan ini. Entah apa akan berlaku jika tiada bantuan daripada ibu tercintanya.

“Apa, mak? Wang dalam akaun syarikat kita lesap. Hampir sepuluh ribu. Biar betul?,” terkejut Dhika mendengar berita yang disampaikan melalui telefon bersama ibunya. Dhika mencuba mencari ketenangan. Menarik nafas panjang-panjang. Dhika cuba mententeramkan perasaan gelisahannya, namun jiwanya percaya kepada kata-kata ibunya.

Dhika terus berfikir panjang. Terus berjumpa dengan akauntan syarikat, Puan Hamidah. Ingin rasa menyemak urusan keluar masuk wang tunai. Setakat ini, audit bagi urusan debit dan kredit adalah seimbang. Syukur. Perasaan resah Dhika mulai lega.

Namun, tiba-tiba, aku mendapat panggilan telefon daripada kliennya, artis lama yang sudah lama bekerja di Studionya.

“Dhika, aku telah mendapat cek tendang. Kenapa ini, Dhika?,” suara artis itu agak marah. Sekali lagi Dhika terkejut. Ampunilah dosa aku, ya Tuhan. Perasaan ingin menyumpahnya mulai tertanam ketika ini. Entah siapa yang sanggup menjahanamkan syarikatnya ini. Apakah motifnya? Semua perkara bermain di benaknya kini.

“Nanti aku semak semula. Mohon bersabar.” jawab Dhika menenangkan artis tersebut.

Dhika bersama Puan Hamidah terus ke bank untuk membuat penyemakan. Ibunya tidak dapat turut serta sebab ada temu janji bersama artis baru di Studio. Memang betul, wang syarikat telah digelapkan. Bukan seringgat atau dua ringgit, tetapi jumlahnya sebegitu banyak. Hampir lima ratus ribu. Dhika menangis dan bagaimanakah caranya untuk membayar liabiliti syarikat.

Setelah membuat laporan polis, Dhika terus pulang ke Studio. Fikirannya buntu. Bercucuran air matanya apabila ibunya yang masih di dalam bilik rakaman. Dhika tidak sanggup menghadapi ujian ini. Ujian yang terlalu besar untuk dihadapi sebagai seorang Pengurus Syarikat. Didakap ibunya dengan kuat.

“Mak, siapakah yang mengkhianati Dhika? Setahu Dhika, Dhika tidak pernah membuat jahat dengan orang lain. Aku akan sumpah orang itu, emak. Sesiapa yang mengkhianati itu, aku sumpah dia akan mengalami kemalangan langgar lari.”

“Sabar, anakku. Segala ujian ini pasti ada hikmahnya,” pujuk ibunya sambil menengis juga.

Dhika diam. Kelu untuk berkata-kata. Kenapalah ujian ini di berlaku ketika Dhika sedang berada di puncak. Air matanya di biarkan mengalir menitis jatuh. Dhika tidak sanggup menghadapi dugaan sebegini besar.

Ketika Dhika berada di dalam bilik pejabatnya sendirian, Dhika terpancang surat yang pernah Aaron berikan kepadanya semasa pertemuan semula kelasnya sepuluh tahun lalu. Terus Dhika membuka surat dan membaca isi kandungannya.

Salam Dhika, Maafkan aku kerana sering menjauhkan diri daripadamu. Sebenarnya, aku tidak suka kamu berkawan dengan Fell dan Lisberth. Aku amat mengenali mereka berdua sebagai perempuan mata duitan. Jagalah dirimu dan berhati-hati.

Aku amat berdosa kerana sering mengganggu. Niat di hati, aku memang ikhlas ingin berkawan denganmu. Tetapi, aku benci rakan di sekelilingmu.

Ikhlas,
Aaron

Dhika seakan-akan tidak percaya dengan isi surat tersebut. Adakah Fell sanggup menikam belakangnya?

Dhika terkilau dan kenapa Fell sanggup mengkhianati rakan karibnya sendiri. Dhika tertanya-tanya sendirian. Dhika seakan-akan membuat sumpahan terhadap pelaku yang sanggup menipu dirinya.

Sebulan kemudian, Dhika kembali bekerja dan berusaha keras untuk memulihkan segala kewangan syarikat yang telah hilang. Nasib Puan Latifah ada menyimpan simpanan sedikit demi membantu nasib anaknya. Sehingga kini, suspek yang mungkin gunting dalam lipatan, yang mungkin rakannya sendiri akan terangkap? Sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah juga.

Dhika seakan-akan tahu masanya akan tiba kelak. Siapakah musuh sebenarnya? Adakah rakannya sendiri atau saudaranya yang lain?

Tetapi bagaimana musuhnya mengetahui segala rahsia kewangan syarikat? Ah. Hati Dhika tertanya-tanya sendirian. Tidak mungkin rasanya. Dhika sendiri tidak mengetahui musuhnya.

Tiba-tiba, telefon Dhika berbunyi. Satu panggilan dari Balai Polis Hentian. “Hello, saya Inspektor Harizan dari Balai Polis Hentian. Ini Cik Puan Dhika.”

“Ya, saya.” jawab Dhika. Dhika berhati-hati risau akan scammer masa kini. “Berkenaan dengan kes kehilangan duit dari syarikat, boleh cik datang ke Balai Polis Hentian untuk perkembangan semasa kes dan berjumpa dengan saya petang ini. Terima kasih.” terang Inspektor Harizan.

“Baiklah. Sama-sama.” kata Dhika bagai ada sinar menantainya.

Laporan polis telah dibuat sejak sebulan yang lepas. Hari ini, kita akan mengetahui siapa yang bersalah.

Di balai Polis Hentian, Dhika terus berjumpa dengan Inspektor Harizan. “Cik Dhika, kami telah membuat siasatan lanjut berkenaan kes kehilangan duit dari syarikat cik. Difa-

hamkan, ada pengeluaran wang masuk keluar telah dijalankan oleh seorang perempuan seusia cik yang bernama Fell. Kami telah meneliti CCTV di bank-bank dan terdapat bukti bahawa perempuan ini yang menjalankan kegiatan sedemikian.” terang Inspektor Harizan bersungguh-sungguh.

Rupanya rakan akrabku sendiri yang mengkhianati-

ku. Kebenaran tertulis dalam surat Aaron. Hanya aku yang terlalu lambat membacanya sehingga nasi telah menjadi bubur.

Adakah aku sanggup melihat rakanku dipenjarakan? Sesungguhnya aku tidak sanggup, tetapi yang bersalah tetap akan bersalah. Fell wajar dipenjarakan kerana sanggup menghilangkan duit syarikat aku. Mungkin aku terlalu baik sehingga aku sanggup memberikan cek syarikat kepadanya untuk mengeluarkan duit syarikat. Semuanya salah aku sendiri. Aku terlalu bersimpati kepadanya walaupun dia memiliki tulang empat kerat untuk bekerja menyara dirinya. Perasaan bersalah menghantui diri Dhika. Air mataku luluh membasahi meja pegawai polis. Tak disangka rakannya sendiri yang sanggup mengkhianatinya.

Akhirnya, segala masalah dalaman syarikat telah berjaya diselesaikan. Kini, studio kembali berada di puncak kejayaan kerana ramai artis telah kembali mempercayainya. Dhika dan ibunya ingin mengemilangkan syarikatnya. Semoga semua usahanya bersama ibunya akan mendatangkan hasil yang lumayan walaupun dahulu mereka sangat miskin. Doanya di dalam hati.

Hari minggu, Dhika hanya duduk santai menikmati TV. Sedang Dhika duduk menonton televisyen di ruang tamunya, terpampang berita semasa:

“Seorang wanita maut dalam kemalangan langgar lari.”

Terus Dhika menekan butang kekuatan suara TV untuk mendengar lebih jelas mengenai berita tersebut.

Hentian: Seorang wanita bernama Fell, 28 tahun telah meninggal dunia dalam kemalangan jalan raya di hadapan Shopping Mall. Hasil siasatan, mangsa telah memandu kenderaan Toyota Honda dan mangsa telah terbabas sendiri akibat dilanggar sebuah kenderaan lain yang nombor pendaftarannya tidak pasti. Kes ini diasiasat mengikut Seksyen 4 Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Terpana Dhika mendengar huraian pembaca berita tersebut. Memang muka Fell terpampang di kaca TV sebagai mangsa kemalangan. Perasaan kasihannya menyelimuti diri Dhika.

Adakah ini berlaku kerana sumpahannya yang lepas? Hanya Tuhan yang mengetahui semua ini.